

APLIKASI SEWAAN BARANG KEPERLUAN TEATER

SANIA

SHAHRINA BINTI SHAHRANI

Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Persembahan teater memerlukan penggunaan prop dan peralatan yang pelbagai mengikut tema bagi setiap persembahan. Antara prop dan peralatan yang biasa digunakan adalah kostum, senjata yang mirip kepada senjata asli serta latar belakang pentas persembahan. Prop dan peralatan ini kebiasaannya digunakan hanya sekali dan memerlukan ruang simpanan yang besar untuk menyimpannya. Permasalahan timbul apabila setiap kali persembahan teater ingin dilakukan, penganjur perlu membeli prop serta peralatan yang diperlukan. Hal ini menyebabkan berlakunya pembaziran wang dan wujudnya kekangan dalam penyediaan ruangan untuk menyimpan prop dan peralatan tersebut. Justeru, satu aplikasi sewaan barang dibangunkan sebagai satu platform yang dapat membantu menyelesaikan masalah berkaitan prop dan peralatan yang dihadapi oleh penganjur persembahan teater. Tujuan aplikasi ini dibangunkan adalah untuk menyediakan khidmat sewaan peralatan dan prop persembahan teater serta memudahkan proses sewaan dilakukan oleh pihak penganjur persembahan. Aplikasi ini sesuai digunakan oleh pelajar, orang awam serta sesiapa yang terlibat dalam pementasan teater. Aplikasi ini juga akan mempamerkan informasi peralatan yang lengkap. Metodologi yang akan digunakan dalam pembangunan aplikasi ini adalah Agile. Modul yang dibangunkan dalam aplikasi adalah modul daftar masuk, modul log masuk, modul pencarian barang, modul berkomunikasi dengan pengguna lain, modul melihat komen dari penyewa lain, modul membuat tempahan, modul membuat sewaan dan modul mengemaskini maklumat barang.

1 PENGENALAN

Teater merupakan suatu seni kebudayaan yang dipersembahkan kepada penonton secara langsung yang dirancang untuk membina suatu perasaan dramatik (Davis, et al, 2020). Persembahan teater yang dilakukan pada setiap pementasan memerlukan gabungan deria penglihatan dan pendengaran serta fokus daripada penonton supaya mereka dapat memahami dan menjiwai persembahan tersebut. Satu persembahan teater memerlukan penglibatan daripada beberapa pelakon yang memegang watak-watak yang diperlukan untuk menggerakkan dari awal

hingga akhir penceritaan, prop, peralatan yang diperlukan serta latar belakang pentas mengikut tema atau tajuk teater yang dipersembahkan.

Penggunaan peralatan dan prop semasa pementasan teater adalah diperlukan untuk membina suatu penceritaan dan pemandangan yang bersesuaian dengan tema atau tajuk pementasan teater agar penonton memahami apa yang sedang diceritakan di atas pentas. Penggunaan lebih banyak prop yang mengikut tema ketika pementasan dijalankan membuatkan penonton lebih memahami penceritaan yang dipersembahkan. Prop terdiri kepada beberapa peralatan seperti latar belakang, senjata mirip asli serta kostum. Tema yang berbeza bagi setiap persembahan teater memerlukan penggunaan prop yang pelbagai dan berpotensi untuk digunakan hanya sekali sahaja.

Selain daripada prop, kegunaan peralatan teknikal di atas pentas adalah bertujuan untuk membantu suatu pementasan berjalan dengan lancar. Peralatan teknikal ini seperti pembesar suara, lampu limpah, mesin asap serta walkie talkie sering digunakan dalam 2 pementasan teater. Peralatan teknikal tidak membantu dalam penceritaan tetapi merupakan barang keperluan asas yang diperlukan sebelum dan selepas pementasan teater.

Aplikasi sewaan barang keperluan teater ini dibangunkan bertujuan memudahkan pencarian serta penyewaan prop dan peralatan mengikut tema yang diperlukan dalam setiap pementasan teater. Aplikasi ini membantu pihak penganjur, pelajar serta orang awam yang ingin membuat pementasan teater dari segi mengurangkan peruntukkan perbelanjaan dalam menyediakan prop serta peralatan yang diperlukan. Aplikasi ini merupakan satu platform perantaraan antara penyewa yang terdiri daripada sesiapa yang mempunyai prop dan peralatan yang diperlukan dalam pementasan teater dan pengguna yang ingin menyewa prop dan peralatan tersebut. Aplikasi ini mempunyai fungsi pencarian prop mengikut tema dan kategori peralatan.

2 PENYATAAN MASALAH

Aplikasi ini dibangunkan berdasarkan kepada permasalahan yang dihadapi oleh pengguna masa kini. Permasalahan timbul apabila setiap kali persembahan teater ingin dilakukan, penganjur perlu membeli prop mengikut tema serta peralatan yang diperlukan. Hal ini menyebabkan

berlakunya pembaziran wang kerana adakala prop yang digunakan sekali sahaja walaupun kos penghasilan yang tinggi terutamanya kostum dan prop tersebut dibuat khas dan jarang dijumpai. Terdapat juga penganjur yang mampu untuk membeli prop dan peralatan. Namun, permasalahan timbul dari aspek penggunaan ruang. Kekangan wujud dalam penyediaan ruangan untuk menyimpan prop dan peralatan tersebut apabila ruang simpanan yang kecil dan tidak dapat menyimpan prop dan peralatan yang banyak. Terdapat juga prop dan peralatan yang sensitif dan memerlukan penjagaan yang baik bagi mengelak kerosakan dan memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi.

3 OBJEKTIF KAJIAN

Aplikasi LendIt ini dibangunkan untuk memudahkan proses sewaan barang keperluan teater dengan menyewakan barang dalam tempoh yang dipersetujui oleh penyewa dan pemberi sewa barang teater.


Objektif aplikasi ini adalah

1. Membina aplikasi mudah alih bagi mempermudah urusan sewaan antara penyewa dan peminjam.
2. Menjalankan ujian kebolegunaan kepada pengguna terhadap aplikasi.

4 METOD KAJIAN

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah metodologi Agile. Kaedah ini membenarkan perubahan jika ada keperluan untuk diubah. Setiap proses dipecahkan kepada beberapa model dan setiap model ini melalui proses yang sama. Pada akhir proses ini, hasilnya boleh diberikan kepada pengguna. Pengguna juga boleh memberi maklum balas tentang aplikasi ini dan membuat perubahan.

Rajah 1.1 menerangkan model Agile yang melalui beberapa fasa iaitu fasa analisis, fasa reka bentuk, fasa pembangunan, fasa pengujian dan fasa penyelenggaraan.



Rajah Error! No text of specified style in document..1

Metodologi Agile

4.1 Fasa Analisis

Pada fasa ini, kajian analisis dibuat dari pernyataan masalah, objektif aplikasi LendIt, skop kajian dan cadangan penyelesaian. Tujuan fasa analisis ini untuk mengumpul data dan memastikan maklumat yang diperolehi dapat memenuhi keperluan aplikasi ini.

4.2 Fasa Reka Bentuk

Dalam fasa ini, pembinaan antara muka aplikasi, pangkalan data, reka bentuk carta alir dihasilkan berdasarkan data yang dikumpul dari fasa analisis bagi memudahkan rujukan dan aliran kerja sepanjang kajian ini dibuat.

4.3 Fasa Pembangunan

Aplikasi *LendIt* dibangunkan dengan menggunakan perisian Android Studio dan dilaksanakan menggunakan bahasa pengaturcaraan Java. Setelah selesai fasa ini, hasil aplikasi ini yang dipanggil prototaip digunakan pada fasa pengujian.

4.4 Fasa Pengujian

Setelah selesai membina prototaip ini, fasa pengujian akan diambil bagi memastikan aplikasi ini mesra pengguna dan menerima maklum balas dari pengguna seperti ahli teater dan biro kebudayaan sebelum dilancarkan kepada pengguna umum. Maklum balas tersebut akan diambil untuk digunakan dalam fasa penyelenggaraan.


4.5 Fasa Penyelenggaraan

Setelah menerima dan mengumpul maklumbalas dari pengguna seperti ahli teater dan biro kebudayaan, fasa penyelenggaraan diambil bagi memperbaiki kesilapan dan menambahbaik aplikasi sebelum aplikasi ini digunakan sepenuhnya kepada umum.

5 HASIL KAJIAN


Aplikasi *LendIt* dihasilkan menggunakan perisian Android Studio dan menggunakan pangkalan data Google Firebase. Selepas membuat rujukan daripada artikel, penulisan kajian dan pencarian maklumat melalui Internet, berikut adalah fungsi yang dapat dihasilkan di dalam aplikasi.

Pengguna dapat daftar akaun menggunakan e-mel, nama akaun yang belum berdaftar dan kata laluan. E-mel, nama akaun dan kata laluan disimpan ke dalam pangkalan data Firebase. Rajah 5.1 menunjukkan antara muka daftar akaun.




Rajah 5.1 Antara muka daftar akaun

Pengguna log masuk menggunakan nama akaun dan kata laluan yang berdaftar ke dalam aplikasi sebagai penyewa atau pemberi sewa. Pengguna yang telah mendaftar akaun boleh log masuk menggunakan nama akaun dan kata laluan yang betul. Jika memasukkan nama akaun atau kata laluan yang salah, log masuk tidak berjaya. Rajah 5.2 menunjukkan antara muka log masuk.



Rajah 5.2 Antara muka log masuk

Pemberi sewa memuat naik gambar dan maklumat barang untuk disewa melalui antara muka ini. Gambar dan maklumat tersebut disimpan ke dalam pangkalan data. Rajah 5.3 menunjukkan antara muka muat naik barang.




Rajah 5.3 Antara muka muat naik barang

Error! Reference source not found. Rajah 5.4 merupakan antara muka kemaskini barang. Pemberi sewa dapat mengemaskini maklumat barang sewaan mereka dengan maklumat terkini melalui antara muka ini. Pemberi sewa juga dapat membuang barang sewaan mereka melalui antara muka yang sama.




Rajah 5.4 Antara muka kemaskini barang sewaan

Profil pengguna memaparkan nama, gambar, dan komen yang diberikan oleh penyewa yang lepas. Pengguna juga boleh melihat senarai barang yang dimuat naik oleh pengguna lain. Rajah 5.5 menunjukkan antara muka profil pengguna.



Rajah 5.5 Antara muka profil pengguna

Rajah 5.6 menunjukkan antara muka profil pengguna. Pengguna dapat melihat profil pengguna lain melalui nama muat naik pada paparan barang sewaan. Pada profil pengguna lain, dipapar nama, gambar, negeri lokasi pengguna, cara menghubungi pengguna tersebut melalui e-mel, senarai barang sewaan yang dimuat naik, dan komen-komen yang ditulis oleh penyewa yang lepas.




Rajah 5.6 Antara muka profil pengguna lain

Paparan barang sewaan ini memaparkan gambar, maklumat barang, butang menghubungi pengguna melalui aplikasi panggilan atau menghantar pesanan SMS. Paparan barang sewaan juga mempunyai butang membuat sewaan. Rajah 5.7 menunjukkan antara muka paparan barang sewaan.



Rajah 5.7 Antara muka paparan barang sewaan

Pengguna menghubungi pemberi sewa tentang ketersediaan barang sewaan. Sekiranya barang sewaan sedia untuk disewakan, penyewa perlu mengisi borang tempahan dan maklumat terus disimpan ke dalam pangkalan data. Rajah 5.8 menunjukkan antara muka membuat sewaan



Membuat tempahan

*Maklumat anda diperlukan untuk tujuan penghantaran, keselamatan produk dan menjamin kualiti servis yang disediakan oleh aplikasi ini. Sila beri kerjasama

Nama Penuh :

Alamat :

Poskod :

Tarikh mula sewaan :

Tarikh akhir sewaan :

No tel :

BUAT TEMPAHAN

Rajah 5.8 Antara muka membuat sewaan

Pengguna boleh mengemaskini profil mereka seperti menukar gambar pengguna, tukar e-mel, kata laluan dan negeri lokasi. Rajah 5.9 menunjukkan antara muka kemaskini profil di dalam aplikasi.



Rajah 5.8 Antara muka kemaskini profil

Pengujian perisian dibuat selepas aplikasi *LendIt* berjaya dibangunkan untuk menguji kemampuan dan melihat kebolehfungsian aplikasi. Tujuan pengujian aplikasi ini dibuat adalah memastikan semua fungsi di dalam aplikasi berfungsi dan penggunaan aplikasi tanpa ralat untuk mencapai objektif pengguna di dalam aplikasi ini.

Pengujian fungsian dan pengujian bukan fungsian dibuat untuk mengujian kebolehgunaan aplikasi ini. Kotak Hitam merupakan pengujian berdasarkan spesifikasi perisian (Tsuyoshi et al. 2013). Pengujian kotak hitam dibuat untuk menguji fungsian aplikasi dan teknik Jadual Keputusan merupakan teknik salah satu teknik dibawah pengujian kotak hitam. Pengujian bukan fungsian pula menguji aplikasi menggunakan teknik ujian kebolehgunaan. Ujian kebolehgunaan dibuat melalui soal selidik yang diedarkan kepada pengguna tersasar iaitu ahli krew teater, biro kebudayaan dan pelajar yang terlibat dalam aktiviti persembahan teater. Ujian kebolehgunaan tersebut mempunyai 7 soalan yang berbeza mengenai pendapat pengguna tersasar mengikut skala 1 – 5

6 KESIMPULAN

Aplikasi *LendIt* ini menyediakan platform kepada pengguna yang terlibat dalam aktiviti persembahan teater. Platform ini disediakan untuk pengguna atau peniaga yang membuat servis sewaan prop, kostum, latar belakang untuk memudahkan pencarian. Pengguna dapat memuatnaik gambar dan maklumat yang diperlukan ke dalam aplikasi.

Pemberi sewa yang terdiri daripada orang awam yang mempunyai barang keperluan teater untuk disewakan atau pihak yang menyediakan servis kostum dan prop. Aplikasi ini secara tidak langsung membantu penyewa menjana keuntungan melalui proses sewaan barang yang ditawarkan.

Penyewa yang terdiri daripada pelajar, ahli krew teater dan orang awam yang mengambil bahagian dalam pementasan teater boleh membuat pencarian dan membuat sewaan dalam di dalam aplikasi. Terdapat banyak pilihan boleh dibuat oleh penyewa mengikut tema dan kategori barang. Penyewa dapat melihat profil pemberi sewa

Dengan adanya aplikasi ini, pengguna dapat menjana keuntungan. Mereka yang memerlukan barang keperluan teater dapat menggunakan dan memenuhi keperluan mereka sebelum dan semasa pementasan teater. Masalah seperti kekangan ruang penyimpanan barang, penjimatan perbelanjaan kos untuk pementasan teater dan pencarian prop, kostum dan latar belakang dapat diatasi

7 RUJUKAN

Davis, T. C. , Chaillet, . Ned and Guthrie, . Tyrone (2020, April 28). Theatre. Encyclopedia Britannica. <https://www.britannica.com/art/theatre-art/> [29 March 2021]

Tsuyoshi Yumoto, Toru Matsuodani, Kazuhiko Tsuda. 2013. A Test Analysis Method for Black Box Testing Using AUT and Fault Knowledge. <https://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877050913009289> [25 May 2021]

Copyright@FTSM
UKM